

Sikap pemaju punca banjir

METRO 31/1

GEMAS: Kerajaan negeri mengenalpasti tindakan segelintir pemaju menutup saluran anak sungai di daerah ini untuk membangunkan kawasan perumahan sebagai punca utama berlakunya bencana banjir sehingga menyebabkan kerosakan harta benda penduduk, baru-baru ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata pemaju sanggup mengabaikan risiko yang boleh berlaku semasa membangunkan kawasan terbabit walaupun mengetahui ia bakal mengundang banjir.

Beliau berkata, tindakan pemaju menutup saluran anak sungai berhampiran ketika mendirikan kawasan pe-

rumahan itu menyebabkan berlakunya limpahan air sebaik hujan lebat melanda.

“Kita sudah mengenal pasti pemaju projek penempatan rumah rakyat berdepan dengan Kem Syed Sirajuddin, di sini menutup anak sungai sehingga mengganggu kelancaran saliran.

“Sungai itu sememangnya laluan air. Bila ditutup, air melimpah keluar,” katanya selepas majlis penyerahan bantuan kepada mangsa banjir, di Dewan Orang Ramai Gemas, di sini, semalam.

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Salbiah Tunku Nujumuddin, Ahli Parlimen Tampin, Datuk Shaziman Abu Mansor dan Ahli Dewan

Undangan Negeri (Adun) Gemas, Datuk Jamlus Aziz.

Sehubungan itu, Mohamad mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) membuat tindakan susulan bagi menangani masalah itu termasuk lebih peka sebelum meluluskan sebarang projek pembangunan di daerah ini.

Katanya, projek memabitkan kawasan yang mudah dilanda banjir seperti kawasan paya dan hutan bakau perlu dikaji semula supaya tidak mengundang masalah kepada penduduk.

“Kalau mereka hendak membuat pembangunan, bangunkanlah kawasan lain. Banyak lagi kawasan yang dibangunkan selain tempat berisiko ini,” katanya.